



PENTADBIRAN ISLAM NEGERI SEMBILAN TERUS DIPERKUKUH

PORT DICKSON,— PORT DICKSON,— Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, menzahirkan penghargaan terhadap pencapaian serta iltizam tinggi pentadbiran Islam negeri dalam memperkukuh institusi agama dan memperkasa ekonomi umat Islam.

Titah baginda disampaikan ketika Taklimat Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan yang berlangsung di Hotel Lexis Hibiscus, Port Dickson.

Tuanku Muhriz merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang komited memperkukuh institusi agama di Negeri Sembilan, termasuk dalam bidang pendidikan Islam, pemerkasaan tahfiz, prasekolah Islam, sekolah agama swasta, pengimarahkan masjid dan peningkatan kecekapan agensi pentadbiran agama.

Tuanku Muhriz menyifatkan Perbadanan MAINS yang ditubuhkan pada 2021 menunjukkan peningkatan ketara dalam pendapatan tahunan, membuktikan keberkesanan pelaksanaannya bagi mengembangkan sumber ekonomi serta memperkukuh kewangan institusi agama.

Dalam konteks dasar dan program agama, Tuanku menekankan agar prinsip Maqasid Syariah dijadikan asas semua perancangan, bagi memastikan manfaat yang menyeluruh kepada ummah serta menghindari kemudaratan.

FOKUS KEPADA PENDIDIKAN PRASEKOLAH

Tuanku Muhriz menyambut baik pelaksanaan Modul Aulad Sejahtera sebagai inisiatif penting dalam pembentukan akhlak dan sahsiah generasi muda sejak peringkat prasekolah, dengan projek rintis di 25 Tadika Islam bermula 2025.

Modul Aulad Sejahtera ini menggabungkan nilai murni Islam, elemen Adat Perpatih Negeri Sembilan, serta konsep Pendidikan Jepun Tokkatsu berasaskan Teori Pelaziman Skinner. Tujuan utamanya adalah menanam nilai hormat, kasih sayang, tanggungjawab, amanah, dan sopan santun dalam kalangan kanak-kanak tanpa mengira bangsa atau agama, bagi membina masyarakat seimbang dan harmoni.

Pelaksanaan modul ini diharapkan dapat diperluas ke semua prasekolah dan diserap ke dalam sistem pendidikan arus perdana melalui mata

pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, dengan kerjasama erat bersama Kementerian Pendidikan Malaysia demi melahirkan generasi yang cemerlang dari segi ilmu, akhlak, dan jati diri.

PENGIKTIRAFAN KEPADA KEPIMPINAN AGAMA

Tuanku turut merakamkan penghargaan kepada ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli MAINS dan kepimpinan Kerajaan Negeri yang turut hadir.

Tuanku menaruh harapan agar semangat kebersamaan, kejujuran dan keikhlasan yang ditunjukkan selama ini akan terus dikekalkan dan dipertingkatkan. Ini dapat memastikan segala usaha murni memperkukuh pentadbiran Islam memberi manfaat yang luas kepada umat Islam di Negeri Sembilan, bukan sahaja dari sudut pembangunan agama tetapi juga dari aspek sosial, ekonomi dan pendidikan. Tuanku menaruh harapan agar semangat kebersamaan, kejujuran dan keikhlasan yang ditunjukkan selama ini akan terus dikekalkan dan dipertingkatkan. Ini dapat memastikan segala usaha murni memperkukuh pentadbiran Islam memberi manfaat yang luas kepada umat Islam di Negeri Sembilan, bukan sahaja dari sudut pembangunan agama tetapi juga dari aspek sosial, ekonomi dan pendidikan.



Harta tersebut telah diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang bertindak sebagai pemegang amanah tunggal di Negeri Sembilan untuk tujuan penghebahan sebelum proses lelongan atau pelupusan dilaksanakan.

Bahagian Mal, Jabatan Wakaf & Mal
Aras 12, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga, 70100
Seremban, Negeri Sembilan.
06-762 2445/013-774 3662 (hotline)

HARTA LUQATAH

ولا تَحِلُّ لِقَاطُهَا إِلَّا لِمُنْشِدٍ

Yang bermaksud: "Tidak halal luqatahnya kecuali bagi orang yang akan mengumukannya."
(Riwayat Al-Bukhari)

SERAHAN HARTA LUQATAH

1. Penerimaan borang permohonan bersama harta luqatah di kaunter MAINS
2. Semakan permohonan dan MAINS akan mengeluarkan Resit Rasmi serta simpan harta luqatah
3. Hebahan selama 1 TAHUN akan dilakukan di dalam media sosial MAINS
4. Lelongan akan dilaksanakan sekiranya tiada tuntutan harta luqatah berkenaan




Port Dickson

Pegawai MAINS Daerah Port Dickson, Norazlina Maarof menyampaikan bantuan segera kepada Muhammad Iqmal Mat Zohari sekeluarga yang terkesan akibat kebakaran di Taman Bayu Indera 2, Lukut. Bantuan berjumlah RM500 telah disalurkan oleh MAINS, manakala JKM turut menyumbang RM200 serta barangan keperluan asas.


Seremban

Kompleks As-Sa'adah MAINS menerima kunjungan hormat daripada Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Pengembangan Ilmu al-Quran, Sumatera Barat yang diketuai oleh Dr. Syafrul Nalus bagi bertukar pandangan dan maklumat berkaitan pelaksanaan serta pengurusan dakwah yang dilaksanakan di Kompleks As-Sa'adah.


Rahang

Pengarah Jabatan Wakaf dan Mal MAINS, Tuan Haji Norazman Amat menyempurnakan penyerahan simbolik Program MAINSCare kepada 18 murid SK Rahang. Inisiatif ini bakal memberi manfaat kepada 14,097 murid kurang berkemampuan di 209 buah sekolah seluruh Negeri Sembilan melalui bantuan RMT demi meringankan beban keluarga dan murid kekal cergas untuk belajar.


Seremban

Seramai 22 pelajar tahfiz SPM Negeri Sembilan mengikuti Bengkel Aspirasi SPM-Tahfiz selama dua hari di Melaka bagi memperkasa hala tuju akademik dan hafazan. Turut diadakan sesi motivasi, refleksi dan bual santai bersama tokoh pendidikan dan MAINS.

ANAK ASNAF TAMPIL CEMERLANG SPM


Port Dickson

Pegawai MAINS Daerah Port Dickson, Norazlina Maarof menyantuni Nurul Arini Abdullah, pelajar SMK Pasir Panjang yang memperoleh keputusan cemerlang 9A dalam peperiksaan SPM.


Senawang

Pegawai MAINS Cawangan Senawang, Zana Ruslinda Ujang menyampaikan saguhati kecemerlangan kepada Muhammad Faris Fitri Yuznizam, anak asnaf dari Senawang yang meraih keputusan cemerlang 8A dalam SPM 2024, tersenarai 10 pembahas terbaik negara dan penerima Sijil Munsyi Cilik daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)


Senawang

Puan Zana Ruslinda Ujang, Pegawai MAINS Cawangan Senawang menyampaikan penghargaan kepada Fiffi Sasha Shafiqqa seorang anak asnaf dari Paroi dan bekas pelajar MRSM Tunku Munawir di atas kejayaannya memperoleh 8A dalam peperiksaan SPM 2024.


Ampangan

Seramai 150 orang anak asnaf menyertai Pogram Hala Tuju Kerjaya Anak-anak Asnaf Lepasan SPM di Casa Lagenda Convention bagi pendedahan berkaitan peluang pengajian, kerjaya dan kemahiran termasuk sesi ceramah dan forum motivasi.